



**KENYATAAN / SIARAN AKHBAR**  
Untuk maklumat lanjut sila hubungi:  
**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**Perbadanan Putrajaya**  
**Tel: 03-88877033 Faks: 03-88811008**



## **12,000 BENIH IKAN DILEPASKAN SEMPENA PERTANDINGAN MEMANCING PUTRAJAYA 2020**

**PUTRAJAYA, 10 Februari 2020** – Bersempena dengan Pertandingan Memancing Putrajaya 2020 yang bakal diadakan pada 15 Februari 2020 (Sabtu), Perbadanan Putrajaya (PPj) melepaskan 12,000 benih ikan iaitu ikan Jelawat dan Lampam Kerai di Majlis Pelepasan Ikan bertempat di Jeti Presint 2, Putrajaya.

Majlis disempurnakan oleh Presiden PPj, YBhg. Datuk Dr. Aminuddin Bin Hassim. Turut hadir YBhg. Dato' Fadlun Mak Ujud, Naib Presiden Jabatan Perancangan Bandar, PPj dan wakil Ketua Pengarah Perikanan Malaysia.

Selain daripada benih ikan yang dilepaskan, turut dilepaskan tiga (3) spesis ikan induk iaitu ikan Temoleh, Jelawat dan Kelah dengan anggaran berat 1.5 hingga 2 kilogram. Benih-benih ikan merupakan sumbangan daripada Pusat Pengembangan Akuakultur, Perlok, Pahang dan Pusat Penyelidikan Ikan Air Tawar, Gelami Lemi, Jelebu, Negeri Sembilan.

Kerjasama teknikal antara PPj dan Jabatan Perikanan Malaysia bagi aspek pengurusan ikan telah bermula sejak tahun 2006. Sehingga kini Jabatan Perikanan telah menyumbang lebih 177,092 ekor benih ikan pelbagai spesies seperti Kelah, Temoleh, Jelawat, Baung, Kerai Lampam, Tengas dan Lampam Jawa. Bilangan ini adalah termasuk 8,000 ekor udang galah yang dilepaskan pada tahun Disember 2018.

Pertandingan Memancing Putrajaya 2020 akan bermula dari jam 7.30 pagi hingga 12.00 tengah hari bertempat di sisiran Tasik Presint 2, 3 dan 4 Putrajaya. Majlis bakal disempurnakan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, YB Tuan Haji Khalid Abdul Samad.

Pertandingan ini terbuka kepada “Kaki-Kaki Pancing” dengan yuran penyertaan sebanyak RM20 bagi setiap joran untuk warganegara dan RM50 kepada bukan warganegara.

Pendaftaran dan pembayaran boleh dibuat secara atas talian (*online*) melalui laman sesawang [www.ppj.gov.my](http://www.ppj.gov.my) yang mula dibuka sejak 27 Januari 2020 dan akan ditutup pada 12 Februari 2020, jam 11.59 malam. Selain itu, pendaftaran juga boleh dibuat di kaunter Pusat Khidmat Pelanggan bermula pada 3 Februari 2020 hingga 14 Februari

2020, manakala kaunter pendaftaran yang beroperasi selama 24 jam akan dibuka di lokasi pertandingan (bersebelahan dengan Masjid Sultan Mizan Zainal Abidin, Presint 3) bermula pada jam 5.00 petang, 14 Februari 2020 iaitu sehari sebelum hari pertandingan berlangsung. 1,000 penyertaan terawal akan mendapat t-shirt percuma (500unit pendaftaran melalui secara atas talian (*online*) dan 500 unit lagi pendaftaran melalui kaunter).

Penganjuran pada kali ini masih mengekalkan konsep “Tangkap dan Lepas” bertujuan untuk mengekalkan keseimbangan populasi ikan di tasik Putrajaya. PPj menyediakan hadiah berjumlah lebih RM20,000 kepada para pemenang sehingga tempat ke-100 berupa wang tunai serta hamper.

Di samping itu, PPj turut menyediakan 40 hadiah cabutan bertuah berupa barang keperluan memancing (*fishing gear*) dan 4 hadiah bonanza berupa 1 unit TV LED 60 inci dan 3 unit TV LED 40 inci buat peserta – perserta yang bertuah. Nilai terkumpul bagi hadiah dan cabutan bertuah pertandingan ini dianggarkan berjumlah lebih RM35,000.

Sebarang maklumat lanjut berhubung Majlis Pelepasan Ikan, sila hubungi Pegawai Media, En. Mohd Fairus Bin Mohd Padzil di talian 03-8887 7347/019-3354346 atau En Ahmad Fazila Othman di talian 03-88877325/012-5761490.

**(TENGKU AINA BINTI YTM TENGKU ISMAIL SHAH)**

**Pengarah**

**Bahagian Komunikasi Korporat**

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: Februari 2020